

UM 13 JUL 2001

Laporan kebakaran DTC sudah diserah kepada PM

KUALA LUMPUR 12 Julai
— Laporan lengkap mengenai punca kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya telah siap dan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator Datuk M. Kayveas berkata, laporan itu telah diserahkan sendiri oleh Menteri, Datuk Seri Ong Ka Ting kepada Dr. Mahathir sewaktu mesyuarat Jemaah Menteri.

Katanya, laporan itu mengandungi keputusan siasatan yang dilakukan oleh Pasukan Petugas Khas yang terdiri daripada polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas serta Jabatan Kimia.

“Saya tidak tahu punca sebenar kebakaran tersebut kerana belum melihat laporan penuh tersebut. Anda boleh bertanya sendiri pada Perdana Menteri untuk mengetahuinya,” katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di Likas hari ini.

Laporan sebuah akhbar harian hari ini menyebut, siasatan Jabatan Bomba dan Penyelamat berhubung kebakaran DTC universiti itu menolak sebarang perbuatan khianat sebagai punca kebakaran tersebut.

Sebaliknya, laporan yang diserahkan oleh jabatan itu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Isnin lalu, memberikan tiga sebab iaitu sistem pendawaian elektrik yang usang, pertambahan penggunaan elektrik dan usia bangunan sebagai punca kebakaran.

Baru-baru ini, Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Datuk Anuar Zaini Md. Zaini dalam wawancaranya bersama *Mingguan Malaysia* berkata, DTC Universiti Malaya telah diselenggarakan dengan baik termasuk dilakukan pemeriksaan pendawaian elektrik secara berkala sebagai langkah keselamatan ke atasnya yang menjadi mercu tanda universiti itu sejak sekian lama.